

Pelan Warisan SG Kita 2.0

RINGKASAN EKSEKUTIF



National
Heritage
Board



Warisan ialah asas yang mengekalkan rasa hubungan, kekitaan, dan harapan kita untuk masa hadapan.

Kami teruja untuk memperkenalkan **Pelan Warisan SG Kita 2.0** – bab seterusnya dalam landskap warisan dan muzium Singapura yang akan membimbing kami dari 2023 hingga 2027 dan tahun-tahun selanjutnya. Berdasarkan asas kukuh Pelan Warisan SG Kita, pelan baharu ini membentangkan visi dan strategi kami untuk membentuk masa depan sektor warisan kita.

Kami amat yakin bahawa warisan budaya melangkaui hubungan kita dengan masa lalu – ia adalah bahagian penting dalam identiti kita, memupuk semangat kekitaan dan keyakinan untuk masa depan. Sedang identiti nasional kita berkembang dengan perubahan sosial dan ekonomi, strategi warisan kita mesti kekal fleksibel, berwawasan dan boleh disesuaikan.

Warisan merupakan aset bersama dan kami komited untuk melibatkan dan memperkasakan lebih ramai warga Singapura untuk menjadi peserta aktif dalam memelihara dan mempromosikan warisan kita. Dengan bantuan teknologi, kami menasarkankan untuk membuka peluang-peluang baharu untuk inovasi, kreativiti dan kerjasama dalam sektor warisan. Bersama anda, kita boleh membina masyarakat yang lebih inklusif dan berdaya tahan yang meraih kekuatan daripada warisan budaya kita yang kaya.

Kami mengajak semua warga Singapura untuk menyertai kami dalam perjalanan yang menarik ini ke arah masa depan yang lebih cerah untuk warisan kita! Marilah kita bekerjasama untuk mewujudkan masa depan di mana warisan budaya kita berkembang maju, di mana inovasi dan kreativiti berkembang, dan di mana semua berpeluang untuk menyumbang kepada warisan kita bersama.

Matlamat

Pelan Warisan SG 2.0 kita berhasrat untuk:

- Membayangkan masa depan yang dinamik untuk sektor warisan dan muzium Singapura – yang meraikan warisan budaya kita yang pelbagai, memperkasakan masyarakat untuk bersama-sama membentangkan sejarah kita yang dikongsi bersama serta mendakap inovasi dan kemajuan teknologi untuk terus melestarikan industri kita.
- Menuju ke arah sektor warisan yang meriah, inklusif dan sentiasa berpandangan ke masa hadapan untuk lima tahun akan datang dan selanjutnya, dengan memerhatikan trend sosio-ekonomi yang berkembang dan keperluan masyarakat kita.
- Kongsi pelan hala tuju kami untuk masa hadapan supaya semua orang endah akan strategi dan inisiatif yang luas dan boleh mengambil bahagian dalam pembentukan masa depan warisan kita

Penglibatan Awam

Kami percaya bahawa warisan adalah untuk semua, dan itulah sebabnya kami mahu mendengar daripada orang awam dan pakar-pakar warisan dalam proses pembentukan HP2.

Maklum balas orang ramai dan pihak berkepentingan adalah penting dalam mewujudkan pelan induk yang lebih inklusif dan bersepadu untuk masa depan sektor warisan kita.




Salah satu daripada tujuh gerai fizikal di mana orang ramai telah diundang untuk berkongsi idea dan cadangan mereka untuk HP2.

> 650
pihak berkepentingan

> 50
Sesi Kumpulan Fokus

> 72,000
idea dan cadangan dalam talian serta di gerai fizikal

Taman permainan naga yang ikonik di Toa Payoh dinyalakan sebagai sebahagian daripada Pesta Warisan Singapura 2018.



Visi

Landskap warisan kukuh yang:

- Meraikan Singapura yang bersatu padu dan berbilang kaum
- Menghubungkan kita kepada peredaran masa, ruang dan budaya
- Mencipta ruang untuk pendapat yang berbeza untuk turut sama dalam perakaman Kisah Singapura

4 Asas Pembinaan

Pelan Warisan SG 2.0 kami disusun kepada empat bidang pertumbuhan strategik: **Identiti**, **Masyarakat**, **Industri** dan **Inovasi**. Secara kolektif, kami percaya bahawa pembangunan bidang-bidang ini akan mengukuhkan identiti nasional kita, merapatkan lagi warga Singapura, memanfaatkan potensi ekonomi sektor muzium dan warisan Singapura, memupuk kreativiti dan inovasi, serta mengukuhkan kerjasama antara institusi awam kita dan masyarakat yang lebih luas.

Identiti

Membina sebuah negara cemerlang yang meraih kekuatan daripada kepelbagaian budaya dan warisan bersama



Masyarakat

Memperkuatkan hubungan yang teguh dengan warisan kita yang dikongsi bersama dan juga melabur dalam penceritaan kisah kolektif kita



Industri

Ekosistem warisan bertenaga yang menghargai orang ramai, meningkatkan hubungan dengan industri dan mewujudkan peluang untuk warga Singapura



Inovasi

Sektor warisan bersedia untuk masa hadapan yang didorong oleh inovasi dan kreativiti



Warisan x Identiti

*Sebuah negara
cemerlang yang
meraih kekuatan
daripada warisan
dan kepelbagaian
budaya kita*

1. Menyelidik dan memulihara warisan maritim Singapura.
2. Membangunkan koleksi reka bentuk.
3. Meluaskan perwakilan Singapura dalam Senarai Wakil Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan UNESCO.
4. Mempromosi dan menjaga khazanah arkeologi kita.
5. Mempertingkatkan inisiatif Muzium Negara Singapura untuk mengumpul maklumat tentang wacana 'Singapura Kontemporari'.
6. Memacu pembangunan Founders' Memorial dan penglibatan orang awamnya.



Kanak-kanak melihat model Lego miniatur Muzium Negara Singapura sebagai sebahagian daripada pameran bergerak, Sejarah Bangunan: Monumen dalam Blok dan Kepingan.

Warisan x Masyarakat

*Orang yang mempunyai
hubungan teguh
dengan warisan kita
yang dikongsi bersama
dan melabur dalam
menceritakan kisah
kolektif kita*

1. Wujudkan 'Tempat Tumpuan Pengaktifan Warisan' dengan masyarakat untuk menghidupkan prasarana kita dan meningkatkan akses kepada warisan.
2. Mengeratkan hubungan dengan belia untuk menggalakkan mereka menyertai dan memperjuangkan warisan.
3. Merintis intervensi berasaskan warisan untuk kesihatan dan kesejahteraan.
4. Menggalakkan dan meningkatkan semangat kesukarelawan.
5. Mengukuhkan keupayaan masyarakat dalam warisan.



Xavier Lee (tujuh dari kiri), pemilik Loong Fatt Tau Sar Piah sekarang, bersama keluarga dan kakitangannya. Paparan kes yang menunjukkan warisan perniagaan itu adalah sebahagian daripada Program Warisan Galeri Sudut Jalan NHB.

Warisan x Industri

Ekosistem warisan bertenaga yang menghargai orang ramai, meningkatkan hubungan dengan industri dan mewujudkan peluang untuk warga Singapura

1. Menyokong kelestarian perniagaan warisan dan penyaluran kemahiran tradisional.
2. Mengubah Armenian Street menjadi sebuah kawasan untuk kraf dan kreativiti.
3. Paparkan koleksi dan kisah-kisah kita di luar negara untuk meningkatkan jenama Singapura.
4. Memperkukuh keupayaan profesional warisan dalam sektor warisan dan muzium.



Persembahan oleh Jazz Pizzazz di Muzium Peranakan di Armenian Street semasa Pesta Malam Singapura.

Warisan x Inovasi

Sektor warisan bersedia untuk masa hadapan yang didorong oleh inovasi dan kreativiti

1. Meningkatkan interaksi warisan melalui teknologi canggih.
2. Gunakan robotik pintar dan AI untuk menyokong fungsi muzium dan memperkaya pengalaman pengunjung.
3. Memperdalam penglibatan dalam wacana warisan melalui penyampaian kandungan dan cadangan.
4. Memupuk sektor warisan dan muzium yang berfikir mampan untuk masa depan yang berdaya tahan menghadapi keadaan iklim.
5. Memacu penyelidikan baharu dalam sains pemuliharaan dan penjagaan koleksi di Pusat Pemuliharaan Warisan.



Lawatan Virtual Kampong Glam menyediakan pengguna dengan penerokaan tambahan Kawasan Kampong Gelam yang bersejarah menggunakan replika digital.

NHB ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada semua yang telah bersama-sama kami dalam membangunkan Pelan Warisan SG Kita 2.0.

go.gov.sg/hp2-website



Imbas kod QR untuk lungsuri leلمان
Pelan Warisan SG Kita 2.0



National
Heritage
Board